

JOHOR BAHRU, 20 MEI (BERNAMA) — UMNO PERLU BERDIKARI UNTUK TERUS KEKAL SEBAGAI PERTUBUHAN YANG PALING BESAR DI NEGARA INI DAN TERUS MENJADI TERAS POLITIK NEGARA, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA UMNO PERLU MEMBIAYAI PERJUANGANNYA SENDIRI DENGAN TIDAK MENDAPAT BANTUAN DARI PIHAK LAIN BAGI MEMBOLEHKAN PARTI ITU BERJUANG TANPA DIPENGARUHI OLEH MANA-MANA PIHAK.

DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PULAI DI SEKOLAH MENENGAH GELANG PATAH 20 BATU DARI SINI.

KATANYA ADALAH SALAH ANGGAPAN SETENGAH PIHAK BAHAWA UMNO BOLEH MEMBIAYAI PERJUANGANNYA DENGAN MUDAH KERANA SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG BERKUASA IA BOLEH MENDAPATKAN DERMA MELALUI TINDAKAN POLITIK DARI PIHAK-PIHAK TERTENTU. — BERSAMBUNG 1545/YF

EE

B565

MAHATHIR-UMNO 2 JOHOR BAHRU

MENURUTNYA, PADA MASA INI UMNO MEMPUNYAI SERAMAI 650,000 ORANG AHLI DAN IA BERUPAYA BERDIKARI MEMBIAYAI PERJUANGANNYA JIKA MENDAPAT SOKONGAN DARI SEMUA AHLI PARTI.

+OLEH ITU PENYERTAAN SERAMAI-RAMAINYA ORANG MELAYU DI DALAM UMNO ADALAH PENTING WALAUPUN HANYA MENJADI SEBAGAI SEORANG AHLI BIASA, + TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU SEMUA AHLI UMNO SUPAYA TERUS MENGEKALKAN NILAI PERPADUAN DAN SEMANGAT DI DALAM PARTI.

KATANYA UMNO KETIKA DITUBUHKAN DULU MERUPAKAN SATU PERTUBUHAN YANG DIANGGOTAI OLEH ORANG-ORANG MELAYU YANG LEMAH DI DALAM BIDANG EKONOMI DAN PELAJARAN.

+BERKAT PERPADUAN DAN SEMANGAT YANG KUAT DI KALANGAN PARA AHLI PARTI, NEGARA TELAH BEBAS DARI BELENGGU PENJAJAHAN DAN UMNO TERUS MENJADI PERTUBUHAN YANG KUAT DI NEGARA INI SERTA MENJADI TERAS POLITIK NEGARA, + KATANYA.

MENURUTNYA PADA MASA INI TERDAPAT SETENGAH GOLONGAN YANG BERUSAHA UNTUK MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU DAN MENGHANCURKAN UMNO DENGAN MEMPERSOALKAN NILAI-NILAI LAMA ITU. — BERSAMBUNG 1550/YF

MAHATHIR-UMNO 3 JOHOR BAHRU

KATANYA GOLONGAN ITU BERUSAHA MEMPENGARUHI ORANG-ORANG MELAYU DAN MENARIK PERHATIAN MEREKA BAGI MENGANGGOTAI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN LAIN YANG DIANJURKAN OLEH GOLONGAN TERSEBUT.

BELIAU MEMBERI AMARAN JIKA ORANG-ORANG MELAYU BERPECAH KERANA MENJADI AHLI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ITU MEREKA AKAN LEMAH SEMULA DAN UMNO TIDAK AKAN DAPAT TERUS KEKAL SEBAGAI TERAS POLITIK NEGARA.

+HANYA UMNO YANG BERUPAYA UNTUK MEMPERJUANGKAN NASIB DAN MASA DEPAN ORANG-ORANG MELAYU, OLEH ITU ADALAH PENTING BAGI SETIAP AHLI BERUSAHA MENGEKALKAN PERPADUAN PARTI SETIAP MASA, + TEGASNYA.

BELIAU GEMBIRA KERANA NEGERI JOHOR TELAH DAPAT TERUS MENCERMINKAN NILAI-NILAI LAMA DI DALAM PERJUANGAN UMNO DAN ORANG-ORANG MELAYU DI NEGERI INI TERUS MENYOKONG PERJUANGAN UMNO HINGGA MENJADIKANNYA SEBUAH KUBU KUAT UMNO.

DR. MAHATHIR TELAH DIBERI SAMBUTAN MERIAH SETIBANYA DARI LAPANGAN TERBANG SENAI.

KETIBAANNYA DISAMBUT OLEH TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK MOHAMED RAHMAT YANG JUGA KETUA UMNO BAHAGIAN TERSEBUT. — BERNAMA 1555/YF